

taip untuk carian

**JENAYAH & MAHKAMAH**

## **Pelepasan Air Loji Kumbahan Disyaki Punca Bau Busuk Di Sungai Skudai – JAS Johor**

🕒 11/01/2025 03:47 PM



JOHOR BAHRU, 11 Jan (Bernama) -- Air berwarna hitam berbau busuk yang mengalir ke Sungai Skudai di Kampung Sepakat Baru di sini, disyaki berpunca daripada pelepasan air kumbahan dari Loji Rawatan Kumbahan (STP) berdekatan.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor Dr Mohd Famey Yusoff berkata ia berdasarkan siasatan awal dijalankan oleh pegawai penyiasatnya semalam.

"Loji tersebut mengalami 'trip' (gangguan bekalan kuasa elektrik) dan pelepasan kumbahan mentah mungkin berlaku.

"Walau bagaimanapun, pegawai penyiasat akan meneruskan siasatan hari ini untuk kenal pasti jika ada punca lain," katanya kepada Bernama ketika dihubungi hari ini.

Semalam penduduk Kampung Sepakat Baru di Skudai meluahkan kebimbangan susulan kewujudan air berwarna hitam, berbuih dan mengeluarkan bau busuk seperti bangkai yang mengalir ke Sungai Skudai berhampiran kampung itu sejak akhir bulan lepas.

Susulan itu penduduk meminta pihak berwajib menjalankan siasatan segera untuk mengenal pasti punca pencemaran tersebut.

-- BERNAMA

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarakan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).*

*Ikuti kami di media sosial :*

*Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)*

*Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)*

*Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)*

*TikTok : [@bernamaofficial](#)*

## KATA KUNCI


jas

mohd famey yusoff

sungai skudai

kampung sepakat baru

## BERITA BERKAITAN



**UiTM, ACMAR FHP Group Meterai MoU Majukan Inisiatif Akademik, Profesional**

🕒 12jam lalu



## Malaysia, UK Perkukuh Komitmen Kerjasama Antara Parlimen

🕒 17jam lalu



## EPIC Berhad Raih Pendapatan RM403.8 Juta Pada 2024, Tertinggi Dalam Sejarah Syarikat

🕒 16jam lalu

### LAGI BERITA



## MPOGCF Sumbang RM49,350 Sokong Pemuliharaan Beruang Matahari Borneo

🕒 5minit lalu



## MLFF: Langkah Proaktif Telah Diambil Sebelum PAC Kemuka Syor - Nanta

🕒 7minit lalu



## Dua Lelaki Termasuk Warga Emas Didakwa Edar 275 Kg Dadah

🕒 1minit lalu



**BERNAMA**

## Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA  
No.28 Jalan BERNAMA  
Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia

☎ [klik di sini]

✉ helpdesk[at]bernama.com



### Kategori

- Am
- BernamaBiz
- Sukan
- Gaya Hidup
- Politik
- Dunia
- Infografik
- Video
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

### Laman Mikro

- ASEAN 2025
- Fokus BERNAMA
- Tinta Minda
- MAPO
- MyCheck
- MCMC

### Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

### Tentang BERNAMA

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Perkhidmatan BERNAMA
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender

